

NO SOALAN :21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2015

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah rizab yang menurun sejak 1/1/2014 dan yang dibelanjakan oleh Bank Negara untuk mempertahankan nilai matawang ringgit. Apakah langkah yang diambil untuk memulihkan keyakinan pelabur, menaikkan nilai matawang ringgit serta membantu khususnya pelajar swasta yang terjejas dengan kejatuhan nilai ringgit ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada YB. Shah Alam yang dijadual pada hari ini bersama soalan daripada YB. Bagan yang dijadualkan pada 26 Oktober 2015, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang berkaitan.

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, paras rizab telah mula mengalami penurunan secara beransur sejak Januari 2014 (RM436.0 bilion atau USD133.1 bilion), sehingga mencecah paras terendah kepada RM357.7 bilion atau USD94.7 bilion pada 28 Ogos 2015. Walau bagaimanapun, trend rizab antarabangsa negara kembali meningkat berjumlah RM415.1 bilion atau USD93.3 bilion pada 30 September 2015, mencukupi untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penurunan rizab ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk:
 - i. prestasi perdagangan, terutamanya penerimaan daripada eksport komoditi yang rendah serta ketibaan pelancong yang perlahan telah

- mengurangkan surplus dalamimbangan akaun semasa; dan
- ii. aliran keluar pelaburan portfolio berikutan pengukuhan dolar Amerika Syarikat, jangkaan kenaikan kadar faedah oleh US Federal Reserve dan kebimbangan terhadap perkembangan ekonomi China yang semakin perlahan serta kesan kejatuhan harga komoditi global.
1. Walau bagaimanapun, pasaran modal yang mendalam dan kumpulan pelabur institusi kewangan tempatan yang besar, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, syarikat insuran dan pengurusan dana akan berupaya mengurangkan kesan volatiliti aliran kewangan. Selain itu, pengawasan dan pemantauan yang berterusan oleh Bank Negara Malaysia turut menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara dan serantau.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam menangani cabaran ekonomi global termasuk perdagangan dan pelaburan yang tidak menentu yang turut memberi impak kepada pergerakan matawang ringgit, Kerajaan telah mengambil beberapa

langkah proaktif bagi meningkatkan keyakinan pelabur termasuk penubuhan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE). Pada 14 September 2015, JKE telah mengumumkan beberapa inisiatif termasuk:

- i. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan syarikat swasta Malaysia telah digesa untuk menzahirkan keuntungan daripada pelaburan mereka di luar negara dan seterusnya melabur ke atas projek di dalam negeri yang mempunyai nilai pengganda tinggi.
- ii. mengaktifkan semula ValueCap dengan dana sebanyak RM20 bilion untuk menyokong aktiviti perniagaan.
- iii. membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui peningkatan Skim Jaminan Modal Kerja; pengecualian duti import akan diberi ke atas 90 item; penstrukturkan dan menjadualkan semula pinjaman perniagaan; serta peruntukan tambahan bagi Dana Pelaburan Strategik Domestik (DISF).
- iv. menggalakkan sektor pelancongan termasuk peruntukan tambahan sebanyak RM80 juta dan pengecualian visa kepada pelancong China.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dengan langkah-langkah yang dinyatakan di atas, serta strategi dan inisiatif Bajet 2016 yang dibentangkan pada 23 Oktober 2015. Kerajaan yakin kedudukan rizab and ekonomi akan terus kukuh. Sehubungan itu, Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan ekonomi semasa dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memperkuatkan kedudukan imbangan pembayaran negara di samping dapat meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negara untuk terus cergas.